

20 APR 1998

Sukma-Muhyiddin

KERAJAAN NEGERI DIGESA PROGRAM PEMBANGUNAN SUKAN LAPAN TAHUN KE HADAPAN

SHAH ALAM, 20 April (Bernama) -- Semua kerajaan negeri digesa melaksanakan program pembangunan sukan sekurang-kurangnya lapan tahun ke hadapan untuk meningkatkan mutu sukan negara, kata Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata kerajaan negeri perlu memainkan peranan yang lebih proaktif dan tidak hanya melaksanakan program pembangunan sukan untuk jangka masa dua tahun sahaja terutama untuk menghadapi Sukan Malaysia (Sukma).

"Kerajaan melalui Majlis Sukan Negara (MSN) sanggup bekerjasama untuk meningkatkan pembangunan sukan bagi jangka panjang," katanya ketika ditemui pemberita semasa kunjungan ke beberapa gelanggang Sukma Ke-7 di sini hari ini.

Muhyiddin berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai ucapan perutusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Sukma kali ini supaya tahap para atlit negara di peringkat antarabangsa dikaji semula.

Dr Mahathir dalam ucapan perutusannya berkata, kerajaan tidak mahu pelaburan besar yang dicurahkan untuk memajukan sukan negara menjadi sia-sia tanpa ada peningkatan dalam tahap pencapaian atlit negara di peringkat antarabangsa.

Muhyiddin mengakui pihaknya masih belum berpuas hati dengan tahap para atlit tetapi tidak menolak ada peningkatan sejak dua tahun kebelakangan ini.

"Projek Jaya '98 menunjukkan peningkatan khususnya dalam beberapa acara seperti menembak, boling, skuasy, angkat berat dan badminton," katanya.

Katanya, seseorang atlit itu bukan sahaja harus berjuang untuk mendapatkan pingat tetapi juga berusaha memecahkan rekod dengan cemerlang.

"Para atlit jangan hanya berusaha mendapatkan pingat tetapi juga memecahkan rekod dengan catatan yang lebih cemerlang," katanya.

-- BERNAMA

APG AKD